

85  
NO. SOALAN: 40

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK MOHD IDRIS BIN JUSI [BATU PAHAT]**

**TARIKH : 23 NOV 2017**

**RUJUKAN : 10369**

**SOALAN:**

**Datuk Mohd Idris Bin Jusi [Batu Pahat] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kedudukan isu-isu yang dibangkitkan rakyat setempat Parlimen Batu Pahat iaitu jenayah pecah rumah, curi dan rompak, curi kereta, curi motosikal, curi boat dan perjudian atas talian, apakah langkah-langkah yang telah diambil, setakat mana keberkesanannya.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Dipertua,**

**Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa komited untuk memastikan kadar jenayah dalam negara dapat dikawal dan dikurangkan setiap tahun. Pelbagai program pencegahan jenayah telah diperkenalkan untuk mengurangkan tahap kebimbangan rakyat.**

**Kegiatan jenayah indeks bagi Parlimen Batu Pahat, Johor masih lagi terkawal dan menunjukkan penurunan yang signifikan. Statistik jenayah pecah rumah, curi, samun, curi kereta dan curi motosikal bagi Parlimen Batu Pahat dari tahun 2015 hingga September 2017 telah menurun kepada 680 kes pada tahun 2016 berbanding 801 kes pada tahun 2015. Jumlah ini terus menurun kepada 471 kes sehingga September 2017.**

**PDRM telah mewujudkan beberapa strategi untuk mencegah jenayah seperti berikut:**

- (i) menubuhkan ***Special Task Force on Organised Crime (STFOC), Special Tactical Intelligence Narcotics Group (STING) dan Special Task Force For Anti Vice, Gaming and Gangsterism (STAGG)*** untuk memerangi jenayah berat, pengedaran dadah, perjudian dan maksiat;
- (ii) mengadakan rondaan secara berjalan kaki (*Bit and Patrol*), bermotosikal (Unit Rondaan Bermotosikal) dan berkereta

(*Mobile Patrol Vehicle*) di kawasan tumpuan ramai. Kehadiran anggota beruniform di kawasan strategik adalah bersetujuan dengan konsep *Police Omnipresence*;

- (iii) menubuhkan Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) yang memberi fokus kepada program pencegahan jenayah dengan melibatkan sumber dalaman serta penglibatan masyarakat untuk membantu polis;
- (iv) mewujudkan Unit Risikan Bersepadu (*Central Intelligence Unit-CIU*) dengan mengguna pakai konsep *intelligence lead policing* sebagai pusat pengumpulan maklumat dan risikan jenayah untuk mengesan dan menangkap penjenayah atau merancang tindakan pencegahan jenayah dengan lebih efektif;
- (v) mengambil tindakan di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK LINDA TSEN THAU LIN [BATU SAPI]**

**TARIKH : 23 NOVEMBER 2017 (KHAMIS)**

**SOALAN : 41**

Datuk Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan menjelaskan usaha untuk menambahkan bilangan penerbangan untuk membawa lebih ramai pelancong ke Sandakan.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa menggalakkan mana-mana syarikat Penerbangan negara atau asing untuk mewujudkan perkhidmatan penerbangan antarabangsa secara terus dari luar negara terutama ke Sandakan dengan mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (i) rundingan udara dua hala dengan negara-negara asing pada setiap tahun bagi mewujudkan / meningkatkan hak-hak trafik penerbangan di antara Malaysia dan negara-negara tersebut;
- (ii) memasukkan bandar-bandar di Sabah sebagai salah satu destinasi yang diliberalisasikan di bawah *ASEAN Multilateral Agreement on the Full Liberalisation of Passenger Services*. Di bawah Perjanjian yang telah ditandatangani dan diratifikasi oleh Malaysia ini, syarikat-syarikat penerbangan negara-negara ASEAN dibenarkan untuk mengadakan penerbangan di antara mana-mana destinasi ASEAN, tanpa had kekerapan, kapasiti dan jenis pesawat;
- (iii) memasukkan destinasi-destinasi di Sabah termasuk Sandakan sebagai salah satu destinasi yang diliberalisasikan di bawah kerjasama *Brunei Indonesia Malaysia Philippines East ASEAN Growth Area (BIMP-EAGA) Memorandum of Understanding (MoU) on Expansion of Air Linkages*. Di bawah Perjanjian yang telah ditandatangani dan diratifikasi oleh Malaysia ini, syarikat-syarikat penerbangan negara-negara BIMP-EAGA dibenarkan untuk

mengadakan penerbangan di antara mana-mana destinasi BIMP-EAGA, tanpa had kekerapan, kapasiti dan jenis pesawat;

- (iv) menawarkan pelbagai insentif kepada syarikat-syarikat penerbangan daripada luar negara yang beroperasi ke mana-mana lapangan terbang negara termasuk ke bandar-bandar utama Sabah oleh Malaysia Airports Holding Berhad (MAHB) menerusi *Airlines Incentives Programme*.

Sehubungan itu, syarikat-syarikat penerbangan negara seperti Malaysia Airlines Berhad (MAB), MASwings dan AirAsia menyediakan perkhidmatan penerbangan ke Sandakan dengan kekerapan sebanyak 105 kali seminggu.

Walau bagaimanapun, rancangan untuk mewujudkan perkhidmatan penerbangan antarabangsa secara terus dari luar negara ke bandar-bandar utama di Sabah adalah merupakan perancangan yang ditentukan oleh syarikat-syarikat penerbangan di Malaysia dan asing berdasarkan kepada *commercial viability* sesuatu laluan.

Selain daripada langkah-langkah yang telah diambil seperti di atas, bagi menggalakkan lagi perkhidmatan penerbangan, daya tarikan dan promosi produk-produk perlu juga dipertingkatkan.